

Pastikan bekalnya cukup

Dr. M: Eksport bahan mentah mungkin diharam



DR. MAHATHIR

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia mungkin mengharamkan eksport bahan mentah atau mengenakan cukai eksport lebih tinggi terhadap barangan itu di masa akan datang.

Ketika menegaskan demikian, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah itu terpaksa diambil bagi memastikan bekalan bahan mentah mencukupi dengan harga berpatutan kepada pengilang-pengilang di negara ini.

"Memandangkan ekonomi negara sedang memuncak, langkah ini mungkin dikesak diambil oleh Kerajaan dari ahli perniagaan di negara ini yang mahu melihat Malaysia sebagai negara memproses bahan mentah sebelum di eksport," tegas beliau ketika merasmikan seminar pelaburan di Malaysia anjuran Financial Times di sini pagi ini.

Beliau menekankan Kerajaan telah berusaha sedaya upaya mengekalkan dan sentiasa memajukan suasana pelaburan yang baik di negara ini.

Panduan

Katanya, Malaysia sedang dan akan mengambil langkah yang perlu untuk memastikan negara ini terus dipandang sebagai pengkalan pekilang yang menguntungkan.

"Malaysia terus mengalu-alukan pelaburan asing di negara ini untuk menjalankan projek-projek yang dirasa menguntungkan di samping mengharap mereka mengambil keuntungan dengan minma.

Tetapi, kata Datuk Seri Dr. Mahathir, apa yang Malaysia harapkan, pelabur-pelabur asing ini hendaklah mengikut panduan kegiatan ekonomi yang telah ditentukan sejajar dengan inspirasi rakyat negara ini.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjelaskan, Kerajaan akan terus meningkatkan penekanan galakan sektor industri yang berlandaskan bahan mentah tempatan.

Katanya, Kerajaan tidak mampu dan tidak akan membenarkan Malaysia terus menjadi pengeksport bahan mentah sahaja.

"Malaysia mesti memproses dan menambahkan nilai terhadap bahan keluaran utamanya jika mahu

keuntungan sepenuhnya dari bahan mentah utamanya," kata beliau.

Beliau menyatakan Malaysia seperti negara-negara lain akan memfokuskan perhatian terhadap pengeluaran yang banyak memerlukan tenaga buruh.

"Dengan cara ini ia akan dapat memberi peluang pekerjaan lebih ramai kepada rakyat negara ini."

Datuk Seri Dr. Mahathir menarik perhatian terhadap banyak kilang-kilang negara-negara maju yang mengeluarkan bahan siap dari bahan mentah negara sedang membangun sedang menjalankan perusahaan secara tidak ekonomik.

"Di sini bukan hasrat saya mencadangkan ditutup kilang-kilang yang besar itu tetapi apa yang ingin saya cadangkan jangan lagi mem-

besarkan keluaran kilang itu di negara maju yang tidak mempunyai bahan mentah," ujarnya.

Beliau menambah, "Sebarang pembesaran mestilah diadakan di negara-negara sedang membangun di mana terdapat bahan mentah.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, Malaysia mempunyai kemudahan asas seperti infrastruktur, suasana pelaburan, kestabilan ekonomi dan politik dan kekuatan mata wang untuk menjalankan kegiatan pelaburan yang sophistikated.

Disebabkan adanya kemudahan inilah, katanya, Malaysia berazam menceburkan diri dalam perusahaan berat dalam tahun 80an ini.

"Ini adalah penting bagi menguatkan peningkatan asas perkembangan industri negara.

Oleh JAMALUDDIN BAKAR

Bahan asal dari Artikel
Negara Malaysia

No. Siri 11/468

No. Penerbitan 32